

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1987/88

HSI 241 - Dunia Islam Dari Masa Nabi Muhammad (s.a.w.)
hingga Ke Kejatuhan Baghdad (1258)

Tarikh: 28 Oktober 1987

Masa: 2.15 ptg. - 5.15 ptg.
(3 jam)

Jawab EMPAT(4) soalan.

1. "Tetapi apa yang mereka (iaitu, orang-orang Quraish Jahiliah) takutkan di dalam hidup mereka pada hari kemudian itu, ialah mereka takut penyakit, takut akan mengalami bencana pada harta benda, pada turunan, kedudukan dan kekuasaannya." (Haekal, Sejarah Hidup Muhammad, 1982, m.s. 153)

Sejauh manakah anda bersetuju atau sebaliknya dengan petikan di atas yang menggambarkan tentang sebab-sebab tentangan orang-orang Quraisy di Mekkah terhadap nabi Muhammad s.a.w. sebelum 1H (622M).

2. Peristiwa Hijrah merupakan titik tolak yang terpenting bagi perkembangan agama Islam di zaman Rasulullah s.a.w. Bahaskan.
3. Sejauh manakah khalifah-khalifah di zaman Khulafa al-Rasyidin dapat meneruskan perjuangan nabi Muhammad s.a.w.?
4. "Jihad" mempunyai berbagai tafsiran. Di antaranya adalah dihubungkan dengan peperangan bagi mempertahankan agama Islam. Sehubungan dengan ini, apakah pendapat anda mengenai Peperangan Jamal dan Siffin?
5. Bincangkan sejauh manakah benar atau sebaliknya bahawa kelemahan pemerintahan Bani Umayyah itu diasaskan oleh sifat-sifat assyabiah khalifah-khalifah sendiri.

.../2

6. Sejauh manakah benar atau sebaliknya bahawa kegemilangan di zaman Abbasiyah itu patut dikhususkan pada pencapaian di dalam bidang ilmunya sahaja.
7. Bincangkan sejauh manakah berkesannya pengaruh Turki di dalam ketamadunan Abbasiyah, dengan merujuk kepada pentadbiran Saljuk.
8. Orang-orang Tartar yang cekap di dalam peperangan telah memusnahkan kota Baghdad pada 1258. Walau bagaimanapun peristiwa itu hanya mempercepatkan masa keruntuhan pemerintahan Abbasiyah yang sudah lama retak. Bahaskan.

-ooo000ooo-